

## Cabaran Pembahagian Kerusi dalam Kerjasama Pilihan Raya di Malaysia: Analisis Terhadap BN-PH Menjelang PRN-16 di Melaka dan Johor

### *The Challenge of Seat Allocation within the Electoral Coalition in Malaysia: Analysis of BN-PH ahead of SE-16 in Malacca and Johore*

ADZWAN ADNAN<sup>1\*</sup>, MAZLAN ALI<sup>2</sup> & JAMAIE HAMIL<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia,  
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: [adzwanadnan24@gmail.com](mailto:adzwanadnan24@gmail.com)

Received: 21 January 2026      Accepted: 04 April 2026

#### Abstrak

Pilihan Raya Negeri Ke-16 (PRN-16) bagi Melaka dan Johor selewat-lewatnya akan diadakan antara penghujung 2026 hingga pertengahan 2027. Bagi Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH), ini merupakan satu lagi ujian terpenting menuju Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU-16) di semenanjung Malaysia. Memandangkan penggal sedia ada masih berbaki agak lama lagi, belum ada pendirian rasmi oleh BN dan PH sama ada mereka akan bekerjasama atau tidak dan kerusi mana yang akan dibahagi-bahagikan jika bekerjasama. Sekiranya meneruskan kesinambungan kerjasama pilihan raya sejak PRN-15 2023 di enam buah negeri dan kesemua siri Pilihan Raya Kecil, BN dan PH dijangka mendepani PRN-16 di Melaka dan Johor sebagai sebuah kerjasama pilihan raya. Walau bagaimanapun, BN-PH bakal berdepan satu cabaran awal iaitu dari segi formula pembahagian kerusi. Terdapat lima kebarangkalian senario pembahagian kerusi dianalisis. Perbincangan dalam artikel ini menunjukkan kesemua senario pembahagian kerusi mendatangkan implikasi yang negatif terhadap BN, PH dan kedua-duanya sekali. Turut dibincangkan tentang fenomena politik domestik di Melaka dan Johor seperti hubungan dingin BN-PH pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) 2022, persaingan lampau, perpecahan dalaman UMNO, masa depan Parti Amanah Negara (AMANAH) dan kelangsungan Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC) yang dipercayai akan mempengaruhi cabaran pembahagian kerusi BN-PH. Artikel ini mengetengahkan bahawa isu pembahagian kerusi adalah masih relevan dan mustahak untuk diteliti oleh mana-mana kerjasama pilihan raya khususnya dalam sistem *Westminster* dan *first-pass-the-post*. Memfokuskan kerjasama pilihan raya BN-PH, pembahagian kerusi dalam PRN-16 di Melaka dan Johor dilihat menjadi cerminan bagi kedua-dua parti bagi menghadapi PRU-16.

Kata kunci: Kerjasama Pilihan Raya; Pakatan Harapan; Pembahagian Kerusi; Politik Malaysia; UMNO/Barisan Nasional

*Abstract*

*Sixteenth State Election (SE-16) for Malacca and Johore will be held at the latest between the end of 2026 and mid-2027. For Barisan Nasional (BN) and Pakatan Harapan (PH), this is another important test leading up to the Sixteenth General Election (GE-16) in peninsular Malaysia. Since the current term still has quite a long way to go, there has been no official stance by BN-PH on whether they will work together or not, and which seats will be allocated if they do work together. If BN-PH continue their cooperation as well as SE-15 2023 in six states and all series of By-Elections, they are expected to face the SE-16 in Malacca and Johore as an electoral coalition. Anyhow, BN-PH will face early challenge in term of seat allocation. In this paper, there are five possible seat allocation scenarios been analysed. The discussion in this paper shows all the seat allocation scenarios bring negative implications to BN, PH and both. Also discussed were domestic political phenomena in Malacca and Johore such as cold relationship of BN-PH after Fifteenth General Election (GE-15) 2022, past competition, internal faction within UMNO, the future of National Trust Party (AMANAH) and the survival of Malaysian Chinese Association (MCA) and Malaysian Indian Congress (MIC) which are believed to influence the challenge of seat allocation within BN-PH. This paper highlights that the issue of seat allocation is still relevant and important to be reviewed by any electoral coalition, especially in the Westminster and first-pass-the-post systems. Focusing on the electoral coalition within BN-PH, the seat allocation during SE-16 in Melaka and Johor is seen as a reflection for both parties to face the GE-16.*

*Keywords: Electoral coalition; Pakatan Harapan; Politics of Malaysia; Seat Allocation; UMNO/ Barisan Nasional*


## **Pengenalan**

Sebelum tibanya Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU-16), dua siri Pilihan Raya Negeri (PRN) akan berlangsung di semenanjung Malaysia yang melibatkan dua buah negeri iaitu Melaka dan Johor. Kedua-dua buah negeri ini telah mengadakan PRN lebih awal sebelum dari Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) 2022. Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN-15) di Melaka berlangsung pada 20 November 2021<sup>1</sup> manakala lebih kurang tiga bulan selepas itu, PRN-15 Johor pula berlaku pada 12 Mac 2022.<sup>2</sup> Dianggarkan PRN-16 bagi Melaka dan Johor selewat-lewatnya akan dilaksanakan antara penghujung 2026 hingga pertengahan 2027.<sup>3</sup>

Sekiranya meneruskan kesinambungan kerjasama pilihan raya sejak PRN-15 2023 di enam buah negeri dan kesemua siri Pilihan Raya Kecil (PRK), Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) dijangka mendepani PRN-16 di Melaka dan Johor sebagai satu pasukan. Walau bagaimanapun, BN-PH bakal berdepan satu cabaran awal iaitu dari segi pembahagian kerusi sesama mereka. Isu ini sudah mula kelihatan biarpun tempoh mandat PRN yang sedia ada masih lagi panjang terutamanya di Johor. Ketika PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Mahkota masih belum memasuki hari penamaan calon, berlaku pertelagahan antara pemimpin Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dalam menentukan soal parti mana yang akan meletakkan calon. Pertelagahan tersebut akhirnya dapat diselesaikan apabila AMANAH akur dengan ketetapan PH bagi menyokong calon BN.<sup>4</sup>

Jika mengamati keputusan pilihan raya semasa PRN-15 2021 di Melaka dan PRN-15 2022 di Johor, BN diakui sangat cemerlang. BN berjaya mendapat mandat majoriti dua pertiga di kedua-dua negeri. Meskipun begitu, pencapaian tersebut tidak kekal apabila mereka telah kalah teruk dalam perebutan kerusi parlimen dalam PRU-15 2022. Di Melaka, BN tewas semua kerusi parlimen.<sup>5</sup>

Daripada 26 kerusi parlimen yang dipertandingkan di Johor, BN hanya menang sembilan.<sup>6</sup> Dengan merujuk Rajah 1, BN telah menguasai 82% kerusi DUN manakala PH hanya 18% ketika PRN-15 2021 di Melaka. Kontradiksi berlaku dalam PRU-15 2022 apabila PH bangkit memegang 67% kerusi parlimen berbanding BN dengan 33%. Pola yang dihadapi oleh BN di Melaka turut sama melanda di Johor. Memandangkan PRN-15 2021 dan 2022 dengan PRU-15 2022 menunjukkan perbezaan yang agak ketara, data pilihan raya yang manakah akan digunakan oleh BN-PH sebagai sebahagian formula bagi menentukan pembahagian kerusi bagi PRN-16?



Rajah 1: Perbandingan penguasaan kerusi BN-PH bagi PRN-15 2021 (Melaka) dan 2022 (Johor) dengan PRU-15 2022.

Sumber: SPR (2021, 2022a, 2022b), Analisis pengarang.

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis kebarangkalian senario pembahagian kerusi oleh BN-PH bagi PRN-16 di Melaka dan Johor. Analisis ini perlu dijalankan disebabkan telah berlaku pola perubahan politik antara PRN-15 2021 (Melaka) dan 2022 (Johor) dengan PRU-15 2022 yang ketika itu BN-PH masih berlawan antara satu sama lain. Bagi senario-senario yang dianalisis, sudah tentu setiap daripadanya akan mewujudkan implikasi. Oleh itu, makalah ini seterusnya mengkaji bagaimana senario pembahagian kerusi akan mendatangkan implikasi sama ada kepada BN, PH atau kedua-duanya sekali. Tambahan pula, BN-PH juga sedang berkongsi kuasa di peringkat Persekutuan. Sebarang permasalahan yang timbul dalam kalangan BN-PH semasa berlangsungnya PRN, besar kemungkinan akan menggugat kestabilan politik negara. Oleh yang demikian, makalah ini dilihat signifikan dalam mewacanakan dinamika kerjasama pilihan raya dalam konteks Malaysia mutakhir ini.

Perbincangan dalam makalah ini dipecahkan kepada enam bahagian. Bahagian seterusnya menyorot kesusasteraan tentang hubungan kait perundingan kerjasama pilihan raya dengan pembahagian kerusi. Sebelum menganalisis kebarangkalian senario pembahagian kerusi BN-PH dalam PRN-15 Melaka dan Johor, metodologi bagi kajian ini dibincangkan secara ringkas. Bahagian seterusnya membincangkan implikasi ke atas BN, PH dan kedua-duanya berdasarkan kebarangkalian senario pembahagian kerusi. Juga dibincangkan dalam bahagian ini adalah faktor-faktor yang menjadi cabaran terhadap pembahagian kerusi dengan memfokuskan perbandingan situasi politik domestik di Melaka dan Johor. Akhir sekali, bahagian penutup yang merupakan bahagian terakhir akan merumuskan diskusi dalam makalah ini.

## Perundingan Kerjasama Pilihan Raya dan Pembahagian Kerusi

Menerusi kerjasama pilihan raya, parti politik yang berkongsi matlamat yang sama dapat memenangi pilihan raya<sup>7,8</sup> atau sekurang-kurangnya memberi tekanan yang kuat kepada pihak lawan<sup>9</sup>. Namun, kerjasama pilihan raya menghadapi cabaran dalam membahagikan kerusi atau kawasan pilihan raya. Di India, Indian National Developmental Inclusive Alliance (INDIA), pengganti kepada United Progressive Alliance (UPA) mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila 41 buah parti bekerjasama semasa PRU 2024. Prestasi yang ditunjukkan oleh INDIA adalah sangat baik berbanding UPA. Walau bagaimanapun, mereka masih bertembung di beberapa negeri seperti di West Bengal, Punjab dan Kerala. Pertembungan ini didasari sikap sebahagian parti yang berfikir bahawa mereka mempunyai kekuatan dan peluang yang tinggi apabila bertanding bersendirian.<sup>10</sup> Di Singapura, pertindihan kerusi berlaku disebabkan lemahnya komitmen parti-parti yang bekerjasama bagi mengelakkan pertembungan sesama sendiri dalam menghadapi pilihan raya.<sup>11</sup> Menjelang PRU 2015, Workers' Party (WP) tidak menghadiri mesyuarat terakhir bagi memuktamadkan pembahagian kawasan pilihan raya. Natijahnya, WP dan National Solidarity Party bertembung sesama sendiri apabila mereka menghantarkan calon masing-masing bagi konstituensi MacPherson.

Selain itu, perpecahan elit juga mempengaruhi perundingan dalam kerjasama pilihan raya. Faktor ini boleh ditelusuri seperti yang berlaku di United Kingdom<sup>12</sup>. Tony Blair yang mengetuai Parti Buruh mencadangkan kerjasama pilihan raya dengan Parti Liberal menjelang PRU 1997. Cadangan tersebut yang dijangkakan mampu menafikan penguasaan Parti Konservatif bagaimanapun telah mendapat tentangan daripada pemimpin kanan Buruh seperti Gordon Brown. Tentangan yang diberikan oleh Brown akhirnya telah menyebabkan cadangan yang diutarakan oleh Blair menemui kegagalan. Sekiranya Brown menyokong usaha Blair, berkemungkinan kerjasama antara Buruh dengan Liberal dapat dilaksanakan. Situasi kerjasama yang gagal antara Buruh dengan Liberal adalah berlawanan dengan kerjasama Social Democratic Party (SDP) dengan Parti Liberal. Kerjasama SDP-Liberal pada 1981 berjaya direalisasikan meskipun wujud polemik terhadap pembahagian kerusi disebabkan tiada pemimpin kanan dalam kalangan kedua-dua parti yang menentang perundingan tersebut.

Bagi parti kecil yang tidak akan memenangi sebarang kerusi jika bertanding bersendirian, penyertaannya dalam kerjasama pilihan dilihat memberi peluang untuk setidak-tidaknya mempunyai wakil legislatif<sup>13</sup>. Bagaimanapun, timbul persoalan terhadap keperluan akan kemenangan parti kecil yang hanya bertanding di sebahagian kerusi bagi pembentukan kerajaan dalam sistem *Westminster*. Sekiranya terdapat parti yang bertanding melebihi dua pertiga kerusi dan berjaya memenangi hampir kesemua kerusi yang ditandingnya, kemungkinan tidak sangat memerlukan kemenangan parti-parti lain dalam kerjasama pilihan raya. Tambahan pula, kekuatan pengaruh politik pula mempengaruhi pembentukan kerjasama. Parti-parti yang mempunyai pengaruh yang seimbang adalah lebih mudah untuk bekerjasama.<sup>14</sup> Oleh yang demikian, isu pembahagian kerusi dan pengaruh politik menjadi cabaran antara parti yang bekerjasama bagi menghadapi pilihan raya sebagai satu pakatan.

Di samping itu, persaingan lampau juga menjadi salah satu cabaran bagi parti politik memuktamadkan kerjasama pilihan raya.<sup>15</sup> Mereka sering mempertimbangkan keputusan pilihan raya yang lepas sebelum melaksanakan sebarang perundingan pembahagian kerusi. Di Lubnan, persaingan lampau yang berlaku menyebabkan parti Kristian gagal untuk mencapai kompromi dan membentuk kerjasama pilihan raya yang berkesan.<sup>16</sup> Dari segi sejarah, konflik bersenjata berlaku antara Michel Aoun dengan Samir Geagea pada akhir 1980-an. Kesannya, konflik tersebut bukan sahaja menjadi asas permusuhan antara mereka tetapi mengheret sekali parti pimpinan mereka iaitu Free Patriotic Movement (FPM) dan Lebanese Forces Party (LFP). Meskipun berada dalam pakatan yang sama, faktor perebutan kawasan pilihan raya juga mewujudkan kesukaran mereka untuk berunding antara

satu sama lain pasca 2005.

Dalam PRN-15 2023 di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, BN dan PH menghadapinya sebagai sebuah kerjasama pilihan raya. BN tidak meletakkan calon di kerusi yang diperuntukkan kepada PH dan begitu sebaliknya bagi PH. Termasuk bagi PRK yang diadakan sejak 2023 hingga 2025, BN dan PH menggunakan logo masing-masing dan tidak berlaku sebarang pertembungan sesama sendiri. Walau bagaimanapun, situasi PRN-16 di Melaka dan Johor tidak semestinya akan sama seperti yang berlaku dalam PRN-15 2023 di enam buah negeri. Hal ini disebabkan BN sedang memerintah secara dominan di Melaka dan Johor selepas menang lebih majoriti dua pertiga kerusi DUN semasa PRN-15 2021 dan 2022. Berbeza dengan PRN-15 2023 di enam buah negeri, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan telah didominasi oleh PH sebelum daripada itu manakala BN-PH merupakan pembangkang di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Oleh yang demikian, kajian lanjut terhadap PRN-16 di Melaka dan Johor penting untuk dijalankan bagi mengkaji dinamika kerjasama pilihan raya BN-PH dengan memfokuskan isu pembahagian kawasan pilihan raya.

## Metodologi

Makalah ini mengguna pakai dan mengolah gabungan data-data primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui dua kaedah. Kaedah pertama adalah temu bual berstruktur terhadap tiga pemimpin daripada BN dan PH. Kaedah kedua pula ialah pemerhatian secara langsung di kawasan kajian. Semasa PRU-15 2022 sedang memasuki fasa kempen, pengarang berpeluang membuat pemerhatian secara langsung di setiap kerusi parlimen di Melaka. Data sekunder terdiri daripada tiga sumber. Antaranya ialah Helaian Mata Bahagian Pilihan Raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang tidak diterbitkan secara umum.<sup>17</sup> Adapun SPR menyediakan data pilihan raya di laman sesawang dan aplikasi mudah alih untuk kegunaan orang awam, maklumat tersebut masih tidak spesifik. Sumber kedua ialah kajian kepustakaan yang merujuk kepada pelbagai artikel jurnal dan buku akademik. Pengumpulan maklumat melalui sumber ini amat signifikan bagi memastikan maklumat adalah sahih dan berunsur ilmiah. Bagi mendapatkan perkembangan politik yang berkait rapat dengan objektif kajian, laporan media daripada akhbar arus perdana seperti Sinar Harian, Berita Harian dan lain-lain turut menjadi rujukan yang penting.

## Analisis: Kebarangkalian Senario Pembahagian Kerusi

Sebelum membincangkan kebarangkalian senario pembahagian kerusi, keputusan dua siri pilihan raya terdahulu iaitu PRU-15 2022 manakala PRN-15 2021 (Melaka) dan PRN-15 2022 (Johor) menjadi latar belakang yang signifikan dalam bahagian ini. Daripada 28 kerusi DUN yang dipertandingkan dalam PRN-15 2021 di Melaka, BN telah memenangi 21 kerusi diikuti PH dengan lima kerusi. Bagi dua kerusi yang dikuasai oleh Perikatan Nasional (PN), BN berada di tempat kedua berbanding PH di Sungai Udang dan Bemban. Dalam PRN-15 2022 di Johor, BN telah mendapat 40 daripada 56 kerusi DUN. Kerjasama pilihan raya antara PH dengan Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) memperoleh 13 kerusi. Selebihnya tiga kerusi dimenangi yang dimenangi oleh PN, BN berada di tempat kedua di dua kerusi (Bukit Kepong dan Endau) manakala satu kerusi oleh PH (Maharani).

Seperti yang telah dinyatakan bahawa BN mengalami kemerosotan yang ketara dalam PRU-15 2022 bagi merebut kerusi parlimen, situasi tersebut turut memberi kesan negatif terhadap penguasaan DUN apabila meneliti jumlah undi yang diterima. Di Melaka, BN hanya mendapat undi tertinggi di empat DUN sahaja manakala PH menguasai 14 DUN. Baki sepuluh DUN yang dipegang oleh PN, BN berada di tempat kedua bagi sembilan DUN dan PH satu. Perubahan penguasaan undi

antara PRN-15 dengan PRU-15 2022 diketahui oleh pemimpin BN.<sup>18</sup> Pola yang sama juga berlaku di Johor. Daripada 56 DUN, BN hanya mendapat undi tertinggi di 19 DUN dan 30 kerusi yang lain menyaksikan PH di depan. Lagi tujuh DUN, BN berkedudukan kedua di enam DUN dan PH satu. Berpandukan Jadual 1 dan 2, BN hilang banyak DUN berdasarkan keputusan PRU-15 2022. PH pula menunjukkan kebangkitan pengaruhnya dengan memperoleh jumlah DUN yang begitu banyak berbanding PRN-15.

Jadual 1: Perbandingan antara BN dengan PH terhadap penguasaan DUN di Melaka bagi PRN-15 2021 dengan PRU-15 2022

| DUN             | PRN-15 | PRU-15 | DUN             | PRN-15 | PRU-15 |
|-----------------|--------|--------|-----------------|--------|--------|
| Kuala Linggi    | BN     | (BN)   | Pengkalan Batu* | BN     | PH     |
| Tanjung Bidara  | BN     | (BN)   | Ayer Keroh      | PH     | PH     |
| Ayer Limau      | BN     | (BN)   | Bukit Katil     | PH     | PH     |
| Lendu           | BN     | (BN)   | Ayer Molek      | BN     | BN     |
| Taboh Naning    | BN     | (BN)   | Kesidang        | PH     | PH     |
| Rembia*         | BN     | PH     | Kota Laksamana  | PH     | PH     |
| Gadek*          | BN     | PH     | Duyong*         | BN     | PH     |
| Machap Jaya*    | BN     | PH     | Bandar Hilir    | PH     | PH     |
| Durian Tunggal* | BN     | PH     | Telok mas*      | BN     | (PH)   |
| Asahan          | BN     | BN     | Bemban*         | (BN)   | PH     |
| Sungai Udang    | (BN)   | (BN)   | Rim             | BN     | BN     |
| Pantai Kundor   | BN     | (BN)   | Serkam          | BN     | (BN)   |
| Paya Rumput*    | BN     | PH     | Merlimau        | BN     | BN     |
| Kelebang*       | BN     | PH     | Sungai Rambai   | BN     | (BN)   |

Jumlah Menang/Tempat kedua: PRN-15 BN:23, PH:5; PRU-15 BN:13, PH:15

Sumber: SPR (2021, 2022b); Analisis pengarang.

Nota:

- 1) ( ) Merujuk kepada parti yang mendapat tempat kedua di belakang PN.
- 2) \* Merujuk kepada kerusi yang berubah penguasaan.
- 3) Analisis bagi PRU-15 2022 tidak termasuk undi pos.

Jadual 2: Perbandingan antara BN dengan PH terhadap penguasaan DUN di Johor bagi PRN-15 2022 dengan PRU-15 2022

| DUN          | PRN-15 | PRU-15 | DUN        | PRN-15 | PRU-15 |
|--------------|--------|--------|------------|--------|--------|
| Buloh Kasap  | BN     | BN     | Mahkota*   | BN     | PH     |
| Jementah     | PH     | PH     | Paloh      | BN     | BN     |
| Pemanis      | BN     | BN     | Kahang     | BN     | BN     |
| Kemelah*     | BN     | PH     | Endau      | (BN)   | (BN)   |
| Tenang*      | BN     | PH     | Tenggaroh  | BN     | BN     |
| Bekok*       | BN     | PH     | Panti      | BN     | BN     |
| Bukit Kepong | (BN)   | (BN)   | Pasir Raja | BN     | BN     |

Analisis Terhadap BN-PH Menjelang PRN-16 di Melaka dan Johor

|                |      |      |                |    |      |
|----------------|------|------|----------------|----|------|
| Bukit Pasir    | BN   | (BN) | Sedili         | BN | BN   |
| Gambir*        | BN   | PH   | Johor Lama     | BN | BN   |
| Tangkak        | PH   | PH   | Penawar        | BN | BN   |
| Serom*         | BN   | PH   | Tanjung Surat  | BN | BN   |
| Bentayan       | PH   | PH   | Tiram*         | BN | (PH) |
| Simpang Jeram  | PH   | PH   | Puteri Wangsa  | PH | PH   |
| Bukit Naning*  | BN   | PH   | Johor Jaya     | PH | PH   |
| Maharani       | (PH) | PH   | Permas*        | BN | PH   |
| Sungai Balang  | BN   | (BN) | Larkin*        | BN | PH   |
| Semerah        | BN   | BN   | Stulang        | PH | PH   |
| Sri Medan      | BN   | BN   | Perling        | PH | PH   |
| Yong peng*     | BN   | PH   | Kempas*        | BN | PH   |
| Semarang       | BN   | BN   | Skudai         | PH | PH   |
| Parit yaani*   | BN   | PH   | Kota Iskandar* | BN | PH   |
| Parit raja     | BN   | (BN) | Bukit Permai*  | BN | PH   |
| Penggaram      | PH   | PH   | Bukit Batu     | PH | PH   |
| Senggarang*    | BN   | PH   | Senai          | PH | PH   |
| Rengit         | BN   | (BN) | Benut          | BN | BN   |
| Machap         | BN   | BN   | Pulai Sebatang | BN | BN   |
| Layang-layang* | BN   | PH   | Pekan Nanas    | BN | BN   |
| Mengkibol      | PH   | PH   | Kukup          | BN | BN   |

Jumlah Menang/Tempat kedua: PRN-15 BN:43, PH:13; PRU-15 BN:25, PH:31

Sumber: SPR (2022a, 2022b); Analisis pengarang.

Nota:

- 1) ( ) Merujuk kepada parti yang mendapat tempat kedua di belakang PN.
- 2) \* Merujuk kepada kerusi yang berubah penguasaan.
- 3) Analisis bagi PRU-15 2022 tidak termasuk undi pos.

Meskipun keputusan jumlah undi parlimen semasa PRU-15 2022 boleh dipecahkan mengikut DUN, perlu dinyatakan di sini bahawa ia tidak semestinya mencerminkan seratus peratus undi yang diterima oleh calon dan parti politik bagi setiap DUN. Kebiasaannya, undian bagi DUN dan parlimen diadakan serentak terutamanya di semenanjung Malaysia. Oleh itu, pengundi tidak semestinya mengundi parti yang sama di kerusi parlimen dan DUN disebabkan ada kalanya faktor calon turut diambil kira sekiranya calon berbeza. Sekalipun sesebuah parti meletakkan calon yang sama di parlimen dan DUN, pengundi juga mungkin masih memikirkan parti yang diinginkan bagi membentuk kerajaan persekutuan dan negeri. Walaupun tidak tepat sepenuhnya, keputusan PRU-15 2022 masih boleh dijadikan sebagai sebahagian rujukan bagi menelusuri pola pengundian.

Dalam kerangka kerjasama BN-PH, beberapa prinsip diguna pakai ketika membuat pembahagian kawasan pilihan. Prinsip-prinsip ini dapat ditelusuri melalui PRN-15 2023 di enam buah negeri dan kesemua siri PRK. Prinsip pertama adalah melibatkan status *quo* iaitu parti yang merupakan penyandang setelah memenangi kerusi tersebut akan meletakkan calonnya. Bagi kerusi yang dimenangi oleh pihak lawan, prinsip kedua terpakai. Parti yang mendapat undi kedua tertinggi diberi keutamaan untuk meletakkan calon<sup>19</sup>. Prinsip terakhir pula ialah budi bicara parti penyandang untuk melepaskan kerusinya. Situasi ini dapat dilihat apabila PH menyerahkan Dusun Tua<sup>20</sup> di

Selangor dan Lenggeng<sup>21</sup> di Negeri Sembilan kepada BN ketika PRN-15 2023. Kedua-dua kerusi pada ketika itu disandang oleh Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan AMANAH. Walau bagaimanapun, jumlah kerusi yang dibahagikan mengikut prinsip ketiga adalah sangat sedikit.

Memfokuskan kebarangkalian senario pembahagian kerusi BN-PH menjelang PRN-16 di Melaka dan Johor, prinsip pertama dan kedua mewujudkan situasi yang sangat berbeza. Perbezaan ini berpunca daripada percanggahan keputusan PRN-15 dan PRU-15 seperti yang telah tergambar dalam Jadual 1 dan 2. Senario 1 yang bersandarkan keputusan PRN-15, BN akan bertanding bagi mempertahankan kerusi yang sedang dimiliki buat masa ini. Jumlah kerusi yang mereka peroleh adalah melebihi dua pertiga. Situasi ini sangat jauh meninggalkan PH. Bagi Senario 2 yang berpandukan keputusan pilihan raya yang mutakhir iaitu PRU-15 2022, PH akan mendapat pencalonan lebih daripada separuh kerusi yang dipertandingkan tetapi tidak mencapai dua pertiga. Namun, BN pula berkurang kerusi yang akan ditandinginya.

Jadual 3: Perbandingan kebarangkalian senario pembahagian kerusi BN-PH dalam PRN-16 di Melaka dan Johor

| Kebarangkalian Senario      | Melaka (28 kerusi) |              |              | Johor (56 kerusi) |              |              |
|-----------------------------|--------------------|--------------|--------------|-------------------|--------------|--------------|
|                             | BN                 | PH           | Bertembung   | BN                | PH           | Bertembung   |
| 1<br>(Status Quo PRN-15)    | 23<br>(82%)        | 5<br>(18%)   | 0<br>(0%)    | 43<br>(77%)       | 13<br>(23%)  | 0<br>(0%)    |
| 2<br>(Status Quo PRU-15)    | 13<br>(46%)        | 15<br>(54%)  | 0<br>(0%)    | 25<br>(45%)       | 31<br>(55%)  | 0<br>(0%)    |
| 3<br>(Sama banyak)          | 14<br>(50%)        | 14<br>(50%)  | 0<br>(0%)    | 28<br>(50%)       | 28<br>(50%)  | 0<br>(0%)    |
| 4<br>(Bersendirian)         | 28<br>(100%)       | 28<br>(100%) | 28<br>(100%) | 56<br>(100%)      | 56<br>(100%) | 56<br>(100%) |
| 5<br>(Bertindih sebahagian) | 23<br>(82%)        | 15<br>(54%)  | 10<br>(36%)  | 42<br>(75%)       | 31<br>(55%)  | 17<br>(30%)  |

Sumber: SPR (2021, 2022a, 2022b); Analisis pengarang.

Nota:

- 1) Status *quo* PRN-15 dan PRU-15 boleh dirujuk lebih lanjut dalam Jadual 1 dan 2.
- 2) Kerusi yang bertindih sebahagian adalah kerusi yang berubahnya penguasaan BN dan PH antara PRN-15 dengan PRU-15 (Rujuk Jadual 1 dan 2 bagi senarai kerusi yang terlibat).


Membandingkan Senario 1 dengan Senario 2, banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin BN terkait soal pembahagian kerusi berpandukan kepada Senario 1 manakala pemimpin PH cenderung kepada Senario 2.<sup>22</sup> UMNO Bahagian Jasin telah meluluskan usul khas bahawa tiada rundingan terhadap kerusi yang sedang disandang oleh BN di Melaka.<sup>23</sup> Parti komponen BN turut senada dengan hasrat tersebut.<sup>24</sup> Senario 3 adalah bertitik tolak daripada usul akar umbi DAP

di Melaka ketika melangsungkan mesyuarat agung tahunan. Mereka mengusulkan agar BN-PH bertanding sama banyak iaitu 14 kerusi masing-masing.<sup>25</sup> Daripada ketiga-tiga senario, nasib PH akan lebih baik dalam Senario 2 dan 3 berbanding Senario 1. Nasib BN pula berlawanan apabila mereka akan rugi dalam Senario 2 dan 3 berbanding Senario 1.

Dalam perasmian mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka, Timbalan Pengerusi BN menyatakan BN sedia bertanding bersendirian. Menurutnya, tidak semestinya strategi bekerjasama dengan PH akan diaplikasikan oleh BN dalam PRN-16 di Melaka.<sup>26</sup> Di Johor, cadangan AMANAH untuk bertanding sebanyak 20 kerusi mencerminkan pertindihan kerusi bakal berlaku antara PH dengan BN semasa PRN-16.<sup>27</sup> AMANAH di Johor turut bersedia sebarang kemungkinan jika berlaku pertembungan dengan BN.<sup>28</sup> Oleh yang demikian, kenyataan-kenyataan awal ini mewujudkan Senario 4 iaitu BN dan PH berkemungkinan bertanding di kesemua kerusi. Hal ini disebabkan tiada persefahaman dalam pembahagian kawasan pilihan raya seperti yang dijangkakan dalam Senario 1, 2 atau 3.

Senario 5 adalah ubah suai terhadap Senario 4 dengan berlaku pertindihan hanya sebahagian kerusi. Senario 5 mengandaikan kerusi yang dimenangi parti yang sama dalam kedua-dua PRN-15 dan PRU-15 akan kekal bertanding dalam PRN-16. Manakala bagi kerusi yang bertukar pemenangnya akan berlaku pertembungan disebabkan masing-masing tetap mahu meletakkan calon. Di Melaka, kerusi yang bertindih bagi Senario 5 melibatkan sepuluh kerusi yang mana kesemuanya dahulu telah dimenangi oleh BN semasa PRN-15 2021 tetapi berdasarkan undi PRU-15 2022 pula menunjukkan PH mendapat undi tertinggi. Fenomena yang sama wujud di Johor dengan melibatkan 17 kerusi DUN.

Mungkin boleh diujahkan bahawa soal pembahagian kerusi bagi PRN-16 di Melaka dan Johor bukanlah perkara yang baru bagi BN-PH disebabkan mereka berjaya menghadapi PRN-15 2023 di enam negeri tanpa sebarang pertindihan kerusi. Kendatipun begitu, terdapat perbezaan antara kedua-dua situasi tersebut sekiranya diperhalusi dengan lebih mendalam. Berdasarkan Rajah 2, corak pengagihan kerusi di lima negeri semasa PRN-15 2023 iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Selangor adalah berkadar terhadap pencapaian masing-masing semasa PRU-15 2022. Sekiranya mengambil kira formula ini iaitu pengagihan kerusi dalam PRN-16 di Melaka dan Johor sebahagiannya berdasarkan pencapaian PRU-15 2022, situasi ini akan jatuh pada Senario 2. Paling mirip situasi yang boleh ditelusuri ialah di Negeri Sembilan apabila PH yang berkuasa sebagai kerajaan negeri hanya memenangi 38% parlimen dalam PRU-15 2022 namun mendapat 53% pencalonan kerusi DUN dalam PRN-15 2023. Situasi ini hampir seperti Senario 3. Namun persoalan masih juga akan timbul, adakah BN bersedia mengurangkan kerusi mereka daripada kadar 77-82% kepada 50-60%?



Rajah 2: Perbandingan penguasaan kerusi BN-PH bagi PRU-15 2022 dengan pengagihan kerusi untuk PRN-15 2023.

Sumber: SPR (2022b, 2023), Analisis pengarang.

Nota:

1) Peratusan PRU-15 2022 mengambil kira kerusi yang BN atau PH di tempat kedua.

### Perbincangan 1: Cabaran Pembahagian Kerusi dan Implikasinya

Sekiranya pembahagian kerusi BN-PH merujuk kepada Senario 1, kedudukan PH tidak lagi relevan dari perspektif kerjasama pilihan raya bersama BN. Disebabkan BN bertanding melebihi dua pertiga, kebarangkalian pembentukan kerajaan negeri tidak sangat memerlukan PH. PH mungkin hanya diperlukan bagi mengukuhkan kerajaan yang didominasi oleh BN. Sudah tentu PH agak sukar menerima Senario 1 yang menjadikannya ibarat melukat di tepian gantang. Bagi Senario 2 dan 3, tiada satu parti yang membolot jumlah pencalonan kerusi seperti Senario 1. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh kedua-dua BN dan PH adalah sangat penting bagi menubuhkan kerajaan di Melaka dan Johor sekiranya gabungan kerusi mereka mendapat sekurang-kurangnya majoriti mudah. BN dan PH masing-masing amat sukar untuk membentuk kerajaan secara bersendirian menerusi Senario 2 dan 3. Walau bagaimanapun, BN hampir pasti tidak akan bersetuju terhadap Senario 2 dan 3 yang secara automatiknya menghilangkan pengaruhnya sebagai kerajaan dominan di Melaka dan Johor.

Melihat kepada pendirian pemimpin di peringkat akar umbi, adalah sukar untuk merealisasikan ketiga-tiga senario di atas. Jika pun salah satu antara Senario 1, 2 atau 3 berjaya juga dimuktamadkan, tekanan dan rasa tidak puas hati tetap akan mempengaruhi penyokong dan pengundi BN-PH. Adakah pengundi PH akan mengundi calon BN bagi kerusi yang PH telah kuasai dalam PRU-15? Persoalan yang sama turut timbul bagi pengundi BN sekiranya PH diperuntukkan kawasan yang BN telah menang semasa PRN-15. Situasi ini juga akan bertambah buruk apabila adanya unsur-unsur sabotaj bagi memastikan parti masing-masing memenangi jumlah kerusi yang lebih banyak.

Isu ini terdorong disebabkan parti yang memenangi kerusi yang lebih banyak mempunyai peluang yang lebih cerah untuk mencalonkan salah seorang ADUN sebagai MB. Bukan setakat jawatan MB sahaja tetapi turut melibatkan kuota jawatan yang lain seperti Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Kesemua jawatan-jawatan lantikan politik ini selalunya bersandarkan kepada komposisi ADUN parti politik yang bersama membentuk kerajaan.

Menerusi Senario 4 dan 5, pertembungan sama ada di sebahagian kawasan atau semua kawasan mewujudkan risiko perpecahan BN-PH yang akhirnya menggugat kestabilan politik di peringkat persekutuan. Adakah ada jaminan bahawa tidak akan berlaku serang-menyerang ketika sedang berkempen? Bagaimanakah hubungan Menteri dan Timbalan Menteri yang berbeza parti antara BN dengan PH ketika menguruskan hal ehwal kementerian? Terdapat *precedent* ketika BN dan PH mengambil alih Kerajaan Persekutuan pada 2020. Ketika sedang memerintah secara bersama, BN dan PH tidak mencapai kesepakatan dan telah berlawan antara satu sama lain dalam PRN-15 di Melaka dan Johor bagi setiap kerusi yang dipertandingkan. Situasi tersebut menyebabkan ketidakstabilan berlaku dalam urusan tadbir negara. Kemuncaknya dapat dilihat apabila beberapa Menteri Kabinet khususnya daripada PH telah mengutus surat kepada Yang Di-Pertuan Agong agar tidak memperkenankan permintaan terhadap pembubaran parlimen.<sup>29</sup>

Kemelut pembahagian kerusi antara BN dengan PH dalam PRN-16 di Melaka dan Johor juga mewujudkan implikasi kepada prospek kedua-dua parti bagi menghadapi PRU-16. Pembahagian kerusi berdasarkan Senario 1, diakui memberikan kelebihan kepada BN dengan bertanding melebihi dua pertiga tetapi terhad untuk tempoh masa pendek. Dalam PRU-16 nanti, PH mungkin akan membalas tindakan BN dengan tidak akan bertolak ansur bagi 15 kerusi parlimen di Johor<sup>30</sup> yang sedang disandang oleh PH. Disebabkan itu, BN berkemungkinan hanya bertanding tidak sampai separuh daripada 26 parlimen yang dipertandingkan. Berdasarkan Senario 2 dan 3 pula, rundingan terhadap kerusi DUN juga memerlukan kesanggupan PH untuk melepaskan beberapa kerusi parlimen. Kerusi PH manakah yang akan dijadikan sebagai galang ganti? AMANAH yang hanya memiliki dua kerusi parlimen sudah tentu tidak akan melepaskannya. Maka, tumpuan terarah kepada DAP dan KEADILAN untuk menyerahkan kerusi parlimen yang dimilikinya kepada BN.

## **Perbincangan 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perundingan Pembahagian Kerusi**

### ***Kerjasama Dingin Pasca PRU-15 2022***


Pertukaran Ketua Menteri (KM) Melaka pada awal 2023 telah membawa perubahan terhadap kerjasama BN-PH apabila PH diterima sebagai sebahagian kerajaan negeri. Daripada sepuluh orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), seorang ADUN PH telah dilantik bagi mengisi jawatan tersebut. Kesemua ADUN PH telah ditempatkan di kedudukan kerajaan ketika persidangan DUN berlangsung. Sebelum itu, ADUN PH berada di kedudukan pembangkang. Di samping itu, sebahagian kuota Ahli Majlis PBT turut diberikan kepada PH. Walau bagaimanapun, langkah yang diambil oleh KM Melaka tidak diaplikasikan di Johor. Tidak ada lantikan ADUN PH di Johor sebagai EXCO seperti yang berlaku di Melaka. Dalam persidangan DUN, ADUN PH dikenali sebagai 'pengimbang'. ADUN PH di Johor hanya diberi sedikit peranan dengan dibenarkan menghadiri program bersama kerajaan negeri dan agensi di bawahnya. Mereka turut dibenarkan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) dan Mesyuarat Tindakan DUN (MTD) bagi membincangkan hal-hal yang berkepentingan.<sup>31</sup>

Perbandingan fenomena politik yang berlaku di Melaka dan Johor, dapat dilihat dinginnya hubungan BN-PH terutamanya di Johor. Peranan PH di Johor seakan-akan terhad berbanding di Melaka. Ekoran itu, timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan akar umbi PH. Contohnya dalam isu pelantikan Ketua Masyarakat Cina bagi pentadbiran Kampung Baru yang dimonopoli oleh BN tanpa perundingan dengan PH.<sup>32</sup> Sebelum daripada itu, Ketua Pemuda AMANAH telah menyuarakan penubuhan 'Kerajaan Perpaduan' selepas BN berjaya mempertahankan kemenangan dalam PRK DUN Mahkota.<sup>33</sup> Kenyataan daripada Setiausaha Agung DAP akhirnya menoktahkan polemik tersebut dengan mengatakan bahawa tidak ada sebarang tuntutan daripada DAP untuk duduk dalam kerajaan negeri.<sup>34</sup>


Isu terkait keperluan PH untuk menjadi sebahagian kerajaan negeri di Johor adalah tidak menjadi satu kewajipan memandangkan tidak ada sebarang kerjasama BN-PH semasa PRN-15 2022. BN telah menang dengan majoriti dua pertiga pada ketika itu. Maka, selayaknya BN membentuk kerajaan secara bersendirian. Sama ada Menteri Besar (MB) Johor akan mengikut langkah seperti yang diambil oleh KM Melaka, hal tersebut bergantung kepada budi bicaranya dan juga BN. Namun, PH tidak perlu meletakkan harapan yang tinggi untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan negeri memandangkan MB Johor sendiri antara individu terawal yang memberi reaksi kurang senang terhadap usaha untuk bekerjasama dengan PH pasca PRU-15 2022<sup>35</sup>. Di peringkat akar umbi pula, wujud seruan penolakan terhadap kerjasama dengan DAP. Seperti Ketua UMNO Bahagian Kluang yang meminta agar BN bergerak solo dan mendakwa kerjasama dengan DAP adalah suatu yang merugikan.<sup>36</sup>

### ***Persaingan Lampau***

Menyorot persaingan bagi kerusi DUN di Melaka dan Johor, BN terutamanya UMNO merupakan parti yang sangat dominan dari PRU-1 1959 sehingga PRU-11 2004. Pada ketika itu, BN tidak ada masalah untuk membentuk kerajaan dengan kekuatan majoriti dua pertiga. Berdasarkan Rajah 3, sebanyak empat siri pilihan raya di Johor iaitu PRU-2 1964, PRU-6 1982, PRU-9 1990 dan PRU-10 1995 menyaksikan BN menyapu bersih semua kerusi. Dengan merujuk Rajah 4, semua kerusi DUN yang dipertandingkan semasa PRU-1 1959 di Melaka telah dimenangi oleh BN. Ketika kali terakhir berlaku penambahan jumlah kerusi dalam PRU-11 2004, BN kekal dengan pengaruhnya yang begitu kuat. Dominasi BN telah menyebabkan parti pembangkang hanya memenangi dua kerusi di Melaka daripada 28 kerusi manakala satu kerusi daripada 56 kerusi di Johor. Jelas menunjukkan BN sangat dominan dan pembangkang tidak mampu untuk memberi saingan yang cukup signifikan dari PRU-1 1959 sehingga PRU-11 2004.



Rajah 3: Persaingan kerusi DUN di Johor dari PRU-1 1959 hingga PRU-14 2018.  
 Sumber: Anzagain (2004), SPR (2008, 2013, 2018), Undi Info (2024).



Rajah 4: Persaingan kerusi DUN di Melaka dari PRU-1 1959 hingga PRU-14 2018.  
 Sumber: Anzagain (2004), Siti (2021), SPR (2008, 2013, 2018).

Selepas berjaya menafikan majoriti dua pertiga parlimen BN dan mengambil alih pentadbiran di lima negeri semasa PRU-12 2008, negeri-negeri yang lain menjadi sasaran seterusnya oleh Pakatan Rakyat (PR) termasuk Melaka dan Johor. Beberapa figura penting PR diatur gerak bagi menambahkan pengaruh mereka untuk menghadapi PRU-13 2013. Di Johor, PR telah membawa masuk Liew Chin Tong dari Bukit Bendera untuk bertanding di Kluang, Teo Nie Ching (Bangi ke Kulai) dan Salahudin Ayub (Kubang Krian ke Pulaui). Tidak cukup dengan itu, pemimpin utama DAP iaitu Lim Kit Sing turut diletakkan sebagai calon di Iskandar Puteri yang didatangkan dari Ipoh Timor. BN cuba mengambil langkah dengan mencalonkan bekas MB Johor iaitu Ghani Othman di Iskandar Puteri bagi menyekat

kemaraan PR, namun tidak membuahkan hasil. Usaha yang ditunjukkan oleh PR ini menunjukkan mereka begitu serius dan benar-benar ingin menyaingi BN terutamanya di Johor.

Saingan yang diberi oleh PH sampai ke kemuncaknya apabila penguasaan BN di Melaka<sup>37</sup> dan Johor<sup>38</sup> dalam PRU-14 2018 berjaya ditamatkan. Kewujudan PH jelas telah memberi saingan yang cukup kuat kepada BN.<sup>39</sup> Saingan tersebut bukan sahaja sekadar menjalankan fungsi semak dan imbang tetapi telah meruntuhkan kubu kuat BN di Johor<sup>40</sup> yang sering ditakrifkan sebagai tiang seri UMNO. Perpecahan yang dialami oleh PH pada awal 2020 bagaimanapun memberi kesempatan kepada BN untuk kembali berkuasa di Melaka dan Johor. Mujurlah, strategi BN untuk membubarkan DUN lebih awal telah berjaya mendatangkan hasil apabila mereka menang dengan majoriti dua pertiga ketika PRN-15 2022 di Johor. Sebelum itu, PRN-15 2021 di Melaka juga telah mengembalikan BN di koridor kuasa. Maka, dilihat agak sukar bagi UMNO untuk menerima PH sebagai rakan kongsi domestik terutamanya di Johor.


### ***Perpecahan Dalaman UMNO***

Berbanding Melaka, perpecahan dalaman UMNO di Johor lebih jelas kelihatan. Perpecahan dalaman UMNO di Johor dicerakinkan melalui dua isu. Yang pertama ialah percaturan calon semasa PRU-15 2022. Berlaku rombakan besar-besaran terhadap calon UMNO yang mewakili BN sehingga mengeneipkan sebahagian penyandang.<sup>41</sup> Antaranya di parlimen Tenggara, Adham Baba yang merupakan bekas Menteri Kesihatan merangkap Ketua UMNO Bahagian Tenggara digantikan dengan calon lain. Halimah Sadique yang merupakan penyandang di Kota Tinggi dan bekas Menteri Kabinet turut mendapat nasib yang sama. Isu yang kedua terkait penyisihan beberapa tokoh penting UMNO di Johor. Dalam PRU-15 2022, Hasni Mohamad yang merupakan bekas MB dan Ketua UMNO Bahagian Pontian dicalonkan di kerusi parlimen yang dikuasai oleh PH iaitu Simpang Renggam. Nasib kurang baik menimpa Hasni apabila digugurkan jawatan sebagai Pengerusi UMNO Johor<sup>42</sup> dan tidak dapat mengekalkan jawatan ketua bahagian apabila tewas dalam pemilihan.<sup>43</sup> Selain itu, bekas Naib Presiden UMNO iaitu Hishammuddin Hussein yang merupakan Ahli Parlimen Sembrong disisihkan melalui penggantungan keahliannya selama dua penggal.

Kedua-dua isu yang mempengaruhi perpecahan dalam UMNO di Johor dilihat mempunyai perkaitan dengan kepimpinan utama UMNO yang sebahagiannya terkait soal kerjasama dan jalinan hubungan dengan PH. Bagi isu percaturan calon semasa PRU-15 2022, penyandang yang digugurkan adalah individu yang berlawanan dalam pendirian UMNO ketika hilang kepercayaan dan menarik sokongan daripada Muhyiddin. Adham dan Halimah hadir dalam perjumpaan yang mengekalkan sokongan dan kepercayaan kepada Muhyidin.<sup>44</sup> Berbanding penyandang parlimen Pontian, Pengerang dan Parit Sulong yang sehaluan dengan kepimpinan utama UMNO, ketiga-tiganya kekal bertanding di kawasan masing-masing dalam PRU-15 2022. Kes Hasni dan Hishammuddin pula dalam konteks tindakan sekumpulan Ahli Parlimen BN yang menyokong Muhyiddin pasca PRU-15 2022. Hishammuddin didakwa oleh Puad Zarkashi menjadi penyelaras bagi tindakan tersebut.<sup>45</sup> Hasni sendiri mempersoalkan tuduhan khianat yang dilemparkan terhadap Ahli-ahli Parlimen tersebut. Menurutnya, sebahagian sokongan itu adalah selari dengan usul Perhimpunan Agung Umno.<sup>46</sup> Oleh yang demikian, perpecahan dalaman UMNO di Johor boleh dikatakan akan memberikan kesan terhadap kerjasama dengan PH dalam PRN-16 nanti. Sebahagian pemimpin UMNO di Johor tidak dapat menerima kerjasama dengan PH berbanding kepimpinan utama UMNO yang seolah-olah kelihatan selesa bagi menterjemahkan situasi di peringkat persekutuan.

**Masa Depan AMANAH**

Kedudukan AMANAH di Melaka dan Johor menunjukkan peranannya yang signifikan. Pemimpin AMANAH mengetuai PH di Melaka dan dilantik sebagai KM apabila PH mendapat mandat dalam PRU-14 2018. Di Johor, jawatan Pengerusi PH dipertanggungjawabkan kepada AMANAH selepas pengunduran BERSATU. Dari segi pencapaian pilihan raya, AMANAH berjaya mencatatkan prestasi yang agak baik meskipun pertama kali menghadapi pilihan raya umum semasa PRU-14 2018. AMANAH menang dua DUN daripada enam di Melaka manakala sembilan daripada sepuluh di Johor. Selepas mengalami kekalahan teruk dalam PRN-15, AMANAH telah bangkit dalam PRU-15 2022. Menerusi data undi parlimen, AMANAH menguasai tiga DUN di Melaka manakala sepuluh di Johor. Berdasarkan Rajah 5, pencapaian AMANAH ketika PRU-15 2022 adalah yang paling baik berbanding sebelum ini.



Rajah 5: Prestasi AMANAH dari PRU-14 2018 hingga PRU-15 2022.  
 Sumber: SPR (2018, 2021, 2022a, 2022b); Undi Info (2024), Analisis pengarang.

Nota:

- 1) Data bagi PRU-15 2022 merujuk kepada keputusan jumlah undi parlimen yang dipecahkan mengikut DUN.
- 2) Puteri Wangsa yang dimenangi oleh MUDA dalam PRN-15 2022 di Johor merupakan kerusi AMANAH.


Dalam membincangkan pembahagian kerusi BN-PH secara mikro, posisi AMANAH merupakan antara isu terpenting terutamanya di Johor. Menerusi Senario 1 (berpandukan status *quo* keputusan PRN-15), calon AMANAH di Johor hanya akan bertanding dalam dua kerusi sahaja iaitu DUN Simpang Jeram dan Puteri Wangsa. Lapan DUN bertindih dengan BN melalui UMNO disebabkan sedang disandang oleh mereka. Termasuk Mahkota yang mana BN telah menang setelah PRK diadakan. Peluang AMANAH untuk bertanding kesemua kerusi tersebut boleh menjelma sekiranya pembahagian kerusi merujuk kepada Senario 2 (berpandukan status *quo* keputusan PRU-15). Sekurang-kurangnya Senario 3 (pembahagian sama banyak BN-PH), peluang PH bertanding 28 kerusi mungkin menyebabkan AMANAH kurang sedikit pencalonan kerusi tetapi tidaklah sehingga

hanya mendapat satu kerusi sahaja. Di Melaka, peluang AMANAH untuk meletakkan calon mengikut ketiga-tiga senario yang menunjukkan perbezaan tidak sangat ketara memandangkan keseluruhan jumlah kerusi yang dipertandingkan adalah kurang separuh daripada Johor.

Menuju PRN-16 di Melaka dan Johor, AMANAH berada di persimpangan dalam menentukan masa depan politik mereka. Dalam PH, pengaruh AMANAH merupakan yang terkecil antara DAP dan KEADILAN. Di peringkat persekutuan, AMANAH mendapat kedudukan strategik menerusi kementerian yang kritikal di Malaysia seperti portfolio yang terkait kesihatan, pertanian dan keterjaminan makanan. Namun di peringkat negeri, pengaruh politik AMANAH masih belum muncul. DAP mengetuai kerajaan negeri di Pulau Pinang manakala KEADILAN di Selangor dan Negeri Sembilan. Semasa PRN-15 2023 di enam buah negeri, pengaruh AMANAH masih lagi samar-samar apabila mereka hanya diberikan peluang yang sedikit untuk bertanding tujuh daripada 45 DUN di Kelantan dan dua daripada 32 kerusi di Terengganu. Sedangkan kedua-dua negeri ini menjadi medan penting untuk bersaing dengan musuh politik mereka iaitu PAS<sup>47</sup>. Sudah pasti, AMANAH tidak akan membiarkan masalah ini berulang di Melaka dan Johor bagi mengelakkan pengaruh politik mereka semakin lemah. Kemudian, pengaruhnya yang lebih kuat menerusi pola keputusan pilihan raya di kawasan pantai barat berbanding pantai timur merupakan satu peluang keemasan yang tidak boleh disia-siakan. Oleh sebab itu, suara-suara daripada AMANAH kelihatan lantang dalam membincangkan hala tuju politiknya di Melaka dan Johor akhir-akhir ini.

### ***Kelangsungan MCA dan MIC***

Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) merupakan rakan komponen utama BN yang kekal sehingga ke hari ini. Kedua-dua parti tersebut sentiasa mendapat pencalonan dalam pilihan raya bagi mewakili BN. Jika dikira dari PRU-11 2004, MCA dan MIC mencatatkan keputusan yang sangat cemerlang pada ketika itu. Di Johor, mereka memenangi kesemua kerusi DUN. Walau bagaimanapun, pencapaian mereka mengalami kemerosotan selepas itu sehingga tewas semua kerusi di Melaka dalam PRU-14 2018. Hanya dua DUN yang dapat dipertahankan di Johor. Titik kebangkitan mereka dikesan semasa PRN-15 apabila setidaknya-tidaknya berjaya menebus tiga buah kerusi di Melaka manakala tujuh DUN di Johor. Namun, kebangkitan itu tidak kekal lama apabila data PRU-15 2022 mencerminkan penguasaan mereka kembali lemah dengan merujuk Rajah 6.



Rajah 6: Prestasi MCA dan MIC dari sejak PRU-11 2004.

Sumber: SPR (2018, 2021, 2022a, 2022b); Undi Info (2024), Analisis pengarang.

Nota:

1) Data bagi PRU-15 2022 merujuk kepada keputusan jumlah undi parlimen yang dipecahkan mengikut DUN.

Jika pembahagian kerusi BN-PH dalam PRN-16 merujuk Senario 1 (berpandukan status *quo* keputusan PRN-15), mereka hanya boleh bertanding empat daripada lapan kerusi di Melaka. Di Johor, MCA lebih terkesan berbanding MIC. Daripada 15 kerusi, MCA mungkin hanya mempertahankan 4 kerusi sahaja manakala MIC kekal bertanding tiga daripada empat kerusi. Lebih mendukacitakan buat MCA dan MIC sekiranya merujuk Senario 2 (berpandukan status *quo* keputusan PRU-15). Tidak ada tempat bagi kedua-duanya bertanding di Melaka apabila jumlah undi parlimen yang dipecahkan mengikut DUN menyaksikan kesemua lapan kerusi mereka dikuasai oleh PH terutamanya DAP. Di Johor pula, MCA hanya menguasai dua DUN iaitu Paloh dan Pekan Nanas manakala MIC di Kahang dan Tenggara.

Bagi kedua-dua senario pembahagian kerusi yang telah dibincangkan, terlihat risiko yang tinggi kepada MCA dan MIC untuk menjadi korban politik dalam kerjasama BN-PH. Risiko ini sebenarnya telah pun berlaku. Dalam PRN-15 2023, tiada peluang bagi MCA dan MIC meletakkan calon mereka di Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan<sup>48</sup>. Walhal, ketiga-tiga negeri tersebut merupakan kerusi tradisi bagi mereka sepanjang menyertai pilihan raya sebelum daripada ini dengan menggunakan panji BN. Sekiranya MCA dan MIC membenarkan perkara ini berulang di Melaka dan Johor dalam PRN-16 nanti, mereka seakan-akan sudah tidak relevan dan semakin kehilangan tempat dalam arena persaingan politik di Malaysia. Oleh yang demikian, pertimbangan MCA dan MIC akan terus mempengaruhi senario pembahagian kerusi BN-PH bagi PRN-16 di Melaka dan Johor disebabkan menjadi indikator kelangsungan politik mereka.

## Kesimpulan

Menerusi makalah ini, isu pembahagian kerusi adalah masih relevan dan mustahak untuk diperhalusi oleh mana-mana kerjasama pilihan raya. Khususnya negara yang mengamalkan sistem *Westminster* dan sistem pilihanraya berdasarkan *first-pass-the-post*, berapa jumlah kerusi yang ditandingi parti politik adalah penting bagi memaksimumkan kemenangan untuk membentuk kerajaan. Dalam konteks kerjasama pilihan raya, pembentukan kerajaan tidak sangat memerlukan parti lain yang bertanding sangat sedikit kerusi. Dengan kemenangan hanya sedikit kerusi, berkemungkinan diberikan sedikit atau kedudukan yang kurang penting. Tanpa menafikan soal kekuatan setiap parti yang mempengaruhi jumlah pencalonan kerusi, adalah tidak adil bagi sesebuah parti membolot pembahagian kawasan pilihan raya sehingga mengeneipkan parti yang lain dalam kerjasama pilihan raya.

Pembahagian kerusi menjelang PRN-16 di Melaka dan Johor dilihat akan memberi refleksi terhadap ketahanan kerjasama pilihan raya antara BN dengan PH dan prospek dalam PRU-16. Analisis dalam makalah ini menunjukkan pertembungan sesama mereka hampir pasti memberikan impak yang negatif namun pembahagian kerusi BN-PH bagi mendepani PRN-16 di Melaka dan Johor tidak semudah yang disangka. Percanggahan hasrat pemimpin bawahan dalam soal pembahagian kerusi pula bukanlah hanya berdasarkan sentimen dan persepsi semata-mata tetapi dibuktikan melalui pola pengundian bagi pilihan raya yang mutakhir. Lima faktor yang dibincangkan iaitu hubungan dingin, persaingan lampau, perpecahan dalaman UMNO, masa depan AMANAH dan kelangsungan MCA dan MIC akan mempengaruhi pembahagian kerusi BN-PH sekali gus memberikan cabaran terhadap proses tersebut. Oleh yang demikian, BN-PH amat memerlukan kompromi dan persefahaman jitu sekiranya ingin merealisasikan pembahagian kerusi yang tidak hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja.

## Nota

<sup>1</sup> Siti Noranizahhafizah Boyman, "Malacca State Election 2021: A Reflection of 15th General Election?," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48, no. 3, 2021, pp. 105–126.

<sup>2</sup> Shah Mohd Akmal Abdul Halim, Muhamad Takiyuddin Ismail, "Between the Fort and the Moat: Johor's Political Transition in the 15th General Election," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50, no. 2, 2023, pp. 182–199.

<sup>3</sup> Nisar Mohammad Ahmad, "Kembalikan PRN serentak PRU," *Malaysiakini*. 17 Ogos, 2023.

<sup>4</sup> Alias Abd Rani, "PRK DUN Mahkota: AMANAH akhirnya mengalah, akan bantu BN," *Berita Harian*. 18 Ogos, 2024.

<sup>5</sup> Adzwan Adnan, Mazlan Ali, Jamaie Hamil, "PRU-15 di Negeri Sembilan: Kubu Parlimen Terakhir UMNO di Semenanjung Malaysia?," *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 21, no. 2, 2025, pp. 125–140.

<sup>6</sup> Ariff Aizuddin Azlan, Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "From Barisan to Perikatan: Politics, Parties and the Malay Electorate in the 2022 General Election," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50, no. 2, 2023, pp. 137–153.

<sup>7</sup> Elvin Ong, "What are we voting for? Opposition Alliance Joint Campaigns in Electoral Autocracies," *Party Politics*, 28, no. 5, 2021, pp. 954–967.

<sup>8</sup> Andreas Ufen, "Opposition in Transition: Pre-electoral Coalitions and the 2018 Electoral Breakthrough in Malaysia," *Democratization*, 27, no. 2, 2019, pp. 167–184.

<sup>9</sup> Oren Samet, "When You Come at the King: Opposition Coalitions and Nearly Stunning Elections," *American Journal of Political Science*, 2024, pp. 1–17.

<sup>10</sup> Adnan Farooqui, E Sridharan, "India and the 2024 Elections: A New Chapter in Pre-electoral Coalition Politics," *Economic and Political Weekly*, 59, no. 48, 2024, pp. 45–52.

<sup>11</sup> Elvin Ong, "Opposition Coordination in Singapore's 2015 General Elections," *The Round Table*, 105, no. 2, 2016, pp. 185–194.

<sup>12</sup> Alan Wager, "Friends with Benefits: A Temporal Comparison of Electoral Pact Negotiations in the British Context," *British Politics*, 12, 2017, pp. 115–133.

<sup>13</sup> Shane Martin, "Bargaining in Legislatures, Portfolio Allocation, and the Electoral Costs of Governing," *West European Politics*, 4, no. 5, 2018, pp. 1166–1190.

<sup>14</sup> Rafael Hortala-Vallve, Jaako Meriläinen, Janne Tukiainen, "Pre-electoral Coalitions and the Distribution of Political Power," *Public Choice*, 198, 2024, p. 47–67.

<sup>15</sup> Dusan Vučićević, "The legacy of the Past: Pre-reform Party Competition and Contamination of Single-member Districts in Mixed Electoral Systems," *Public Choice*, 2025.

<sup>16</sup> Abbas Assi, "Lebanon's consociational model, Christian Parties and the Struggle for Political Power in Post-2005 Period," *Global Discourse*, 6, no. 4, 2016, pp. 650–672.

<sup>17</sup> Ong Kian Ming, *Scrutinizing the DAP's success in the 2023 Malaysian State Elections*, ISEAS Publishing, Singapore, 2024, p. 50.

<sup>18</sup> Temu bual Zaidi Attan, ADUN BN kawasan Serkam, Melaka, JAPERUN Serkam, 12 Ogos 2025.

<sup>19</sup> Roslinda Hashim, "Agihan kerusi PH-BN perlu berlandaskan semangat perpaduan," *Sinar Harian*. 4 Jun, 2023.

<sup>20</sup> Hasimi Muhamad, "PRN: Isu kerusi Dusun Tua selesai, kita 'move forward' - Calon BN," *Astro Awani*. 26 Julai, 2023.

<sup>21</sup> Badrul Hafizan Mat Isa, "BN umum tandingi DUN Lenggeng," *Utusan Malaysia*. 15 Julai, 2023.

<sup>22</sup> Mohamed Farid Noh, "AMANAH Kluang tuntutan kerusi DUN Mahkota," *Berita Harian*. 5 Ogos, 2024.

<sup>23</sup> Amir Mamat, "Tutup pintu rundingan bahagi kerusi dengan PH pada PRN Melaka - UMNO Jasin luluskan usul khas," *Berita Harian*. 29 Jun, 2025.

<sup>24</sup> Temubual VPShanmugam, ADUNBN Kawasan Gadek, Pengerusi MIC Melaka, JAPERUN Gadek, 14 Ogos 2025.

- <sup>25</sup> Nor Farhana Yaacob, "Pembahagian kerusi 14-14 hanya usul daripada akar umbi - DAP Melaka," *Sinar Harian*. 9 Mei, 2025.
- <sup>26</sup> Nor Farhana Yaacob, "BN sedia hadapi PRN Melaka, tidak tolak bertanding secara solo - Mohamad Hasan," *Sinar Harian*. 12 Julai, 2025.
- <sup>27</sup> Nor Azura Md Yamin, "Amanah Johor sedia tanding 20 kerusi, tidak tolak BN, PH bertembung," *Sinar Harian*. 4 November, 2024.
- <sup>28</sup> Temu bual Zuhan Zain, Naib Pengerusi AMANAH Johor, Putrajaya, 18 Ogos 2025.
- <sup>29</sup> Zahratulhayat Mat Arif, "I should have sacked PN ministers over letter, says Ismail Sabri," *New Straits Times*, 17 Oktober, 2022.
- <sup>30</sup> Adibah Yasmin Alias, Jamaie Hamil, "Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50, no. 4, 2023, p. 451–473.
- <sup>31</sup> Marina Ibrahim, "ADUN PH di Johor sebagai pengimbang", 7 Jun, 2025.
- <sup>32</sup> Nor Azura Md Amin, "PKR Johor Bahru bantah pelantikan Ketua Masyarakat Cina tanpa wakil PH," *Sinar Harian*. 5 Jun, 2025.
- <sup>33</sup> Alias Abd Rani, "PH mahu Kerajaan Perpaduan di Johor - Pemuda Amanah," *Harian Metro*. 29 September, 2024.
- <sup>34</sup> Mohamed Farid Noh, "DAP tak pernah tuntutan Kerajaan Perpaduan ditubuhkan di Johor - Anthony Loke," *Harian Metro*. 6 Oktober, 2024.
- <sup>35</sup> Mohamed Farid Noh, "Tindakan Ahmad Zahid jika berunding dengan PH tidak sah - Onn Hafiz," *Harian Metro*. 21 November, 2022.
- <sup>36</sup> Staff Sinar Harian, "Kerjasama UMNO, DAP merugikan - UMNO Kluang," *Sinar Harian*. 13 Julai, 2024.
- <sup>37</sup> Amalina Anuar, Chan Xin Ying, *Gambling on Grievances: Melaka in GE14 and After*, Routledge, London, 2020, pp. 156–182.
- <sup>38</sup> Muhammad Naim Fakhirin, "Strategi Politik Naungan dan Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 52, no. 1, 2025, pp. 114–134.
- <sup>39</sup> Muhammad Naim Fakhirin, "Competitive conflict: Focus on UMNO and DAP in Johore, GE 12 to GE 14," *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 94, no. 3, 2024, pp. 126–143.
- <sup>40</sup> Mohd Izani Mohd Zain, Abdul Razak Ahmad, *Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan Masa Depan Politik Johor Pasca PRU-14*, Penerbit UM, Kuala Lumpur, 2019, pp. 297–324.
- <sup>41</sup> Muhamad Nadzri Mohamed Noor, Ariff Aizuddin Azlan, "UMNO in GE15: Factionalism and its Effects," *The Round Table*, 112, no. 3, 2023, pp. 273–285.
- <sup>42</sup> Izz Laily Hussein, "Hasni terasa seolah dibuli selepas berikan terbaik", *Sinar Harian*. 28 Januari, 2023.
- <sup>43</sup> Mohamed Farid Noh, "Ahmad Maslan tewaskan Hasni di Pontian," *Berita Harian*. 18 Mac, 2023.
- <sup>44</sup> Mohd Izzat Mohd Khalizan, "31 ahli Parlimen BN, Umno terus sokong kerajaan pimpinan Muhyiddin," *Mstar*. 6 Ogos, 2021.
- <sup>45</sup> Mohamed Farid Noh, "Hishammuddin digantung jadi dalang sokong PN, KJ dipecat kerana melampau' - Puad," *Berita Harian*. 28 Januari, 2023.
- <sup>46</sup> Nor Azura Md Yamin, "SD sokong Muhyiddin bukan tindakan khianat BN: Hasni," *Sinar Harian*. 15 Januari, 2023.
- <sup>47</sup> Azmil Tayeb, "Can BERSATU Go It Alone?," *ISEAS Perspective*, no. 17, 2024, pp. 1–11.
- <sup>48</sup> Isabelle Leong, "Anwar: MCA, MIC tak sertai PRN tapi tetap sokong kerajaan," *Malaysiakini*. 6 Julai, 2023.

## Rujukan

- Abbas, Assi. 2016. "Lebanon's consociational model, Christian Parties and the Struggle for Political Power in Post-2005 Period," *Global Discourse* 6, no. 4: 650-672.  
<https://doi.org/10.1080/23269995.2016.1259230>
- Adibah Yasmin Alias & Jamaie Hamil. 2023. "Kebekerkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 4: 451-473.  
<https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5004.05>
- Adnan, Farooqui & E, Sridharan. 2024. "India and the 2024 Elections: A New Chapter in Pre-electoral Coalition Politics," *Economic and Political Weekly* 59, no. 48: 45-52.
- Adzwan Adnan, Mazlan Ali & Jamaie Hamil. 2025. "PRU-15 di Negeri Sembilan: Kubu Parlimen Terakhir UMNO di Semenanjung Malaysia?," *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 21, no. 2: 125-140.  
<https://doi.org/10.17576/geo-2025-2102-09>
- Alan, Wager. 2017. "Friends with Benefits: A Temporal Comparison of Electoral Pact Negotiations in the British Context," *British Politics* 12, 115-133.  
<https://doi.org/10.1057/bp.2015.41>
- Alias Abd Rani. 2024. "PH mahu Kerajaan Perpaduan di Johor - Pemuda Amanah," *Harian Metro*, 29 September.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1138919/ph-mahu-kerajaan-perpaduan-di-johor-pemuda-amanah>
- Alias Abd Rani. 2024. "PRK DUN Mahkota: AMANAH akhirnya mengalah, akan bantu BN," *Berita Harian*, 18 Ogos.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1286740/prk-dun-mahkota-amanah-akhirnya-mengalah-akan-bantu-bn>
- Amalina Anuar & Chan Xin Ying. 2020. "Gambling on Grievances: Melaka in GE14 and After." Dlm. *Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-elite Feuding and the Pursuit of Power*, disunting oleh Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman, 156-182. London: Routledge.
- Amir Mamat. 2025. "Tutup pintu rundingan bahagi kerusi dengan PH pada PRN Melaka - UMNO Jasin luluskan usul khas", *Berita Harian*. 29 Jun.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1413756/tutup-pintu-rundingan-bahagi-kerusi-dengan-ph-pada-prn-melaka-umno>
- Andreas, Ufen. 2019. "Opposition in Transition: Pre-electoral Coalitions and the 2018 Electoral Breakthrough in Malaysia," *Democratization* 27, no. 2: 167-184.  
<https://doi.org/10.1080/13510347.2019.1666266>
- Anzagain Sdn. Bhd. 2004. *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum: Parlimen & Dewan Undangan Negeri, 1959-1999*. Shah Alam: Anzagain.
- Ariff Aizuddin Azlan & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2023. "From Barisan to Perikatan: Politics, Parties and the Malay Electorate in the 2022 General Election," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2: 137-153.  
<https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.04>
- Azmil Tayeb. 2024. "Can BERSATU Go It Alone?," *ISEAS Perspective*, no. 17: 1-11.
- Badrul Hafizan Mat Isa. 2023. "BN umum tandingi DUN Lenggeng," *Utusan Malaysia*, 15 Julai.  
<https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/bn-umum-tandingi-dun-lenggeng/>

- Dusan, Vučićević. 2025. "The legacy of the Past: Pre-reform Party Competition and Contamination of Single-member Districts in Mixed Electoral Systems," *Public Choice*.  
<https://doi.org/10.1007/s11127-025-01289-y>
- Elvin, Ong. 2016. "Opposition Coordination in Singapore's 2015 General Elections," *The Round Table* 105, no. 2: 185-194.  
<https://doi.org/10.1080/00358533.2016.1154385>
- Elvin, Ong. 2021. "What are we voting for? Opposition Alliance Joint Campaigns in Electoral Autocracies," *Party Politics* 28, no. 5: 954-967.  
<https://doi.org/10.1177/13540688211032367>
- Hasimi Muhamad. 2023. "PRN: Isu kerusi Dusun Tua selesai, kita 'move forward' - Calon BN," *Astro Awani*, 26 Julai.  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/prn-isu-kerusi-dusun-tua-selesai-kita-move-forward-calon-bn-429743>
- Isabelle Leong. 2023. "Anwar: MCA, MIC tak sertai PRN tapi tetap sokong kerajaan," *Malaysiakini*, 6 Julai.  
<https://www.malaysiakini.com/news/671018>
- Izz Laily Hussein. 2023. "Hasni terasa seolah dibuli selepas beriklan terbaik," *Sinar Harian*, 28 Januari.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1057209/saya-terasa-olah-dibuli-hasni>
- Marina Ibrahim. 2025. "ADUN PH di Johor sebagai pengimbang," 7 Jun, 2025.  
<https://www.facebook.com/share/19FvsSGBMo/?mibextid=wwXIfr>
- Mohamed Farid Noh. 2022. "Tindakan Ahmad Zahid jika berunding dengan PH tidak sah - Onn Hafiz," *Harian Metro*, 21 November.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/906497/tindakan-ahmad-zahid-jika-berunding-dengan-ph-tidak-sah-onn-hafiz-metrotv>
- Mohamed Farid Noh. 2023. "Hishammuddin digantung jadi dalang sokong PN, KJ dipecat kerana melampau' – Puad," *Berita Harian*, 28 Januari.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1057109/hishammuddin-digantung-jadi-dalang-sokong-pn-kj-dipecat-kerana>
- Mohamed Farid Noh. 2023. "Ahmad Maslan tewaskan Hasni di Pontian," *Berita Harian*. 18 Mac.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1078870/ahmad-maslan-tewaskan-hasni-di-pontian>
- Mohamed Farid Noh. 2024. "AMANAH Kluang tuntutan kerusi DUN Mahkota," *Berita Harian*, 5 Ogos.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1280689/amanah-kluang-tuntut-kerusi-dun-mahkota>
- Mohamed Farid Noh. 2024. "DAP tak pernah menuntut Kerajaan Perpaduan ditubuhkan di Johor - Anthony Loke," *Harian Metro*, 6 Oktober.  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1141469/dap-tak-pernah-tuntut-kerajaan-perpaduan-ditubuhkan-di-johor-anthony-loke>
- Mohd Izani Mohd Zain & Abdul Razak Ahmad. 2019. "Permata Bertukar Pemilik: Cabaran dan Masa Depan Politik Johor Pasca PRU-14." Dlm. *Pilihanraya Umun ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*, disunting oleh Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali, 297–324. Kuala Lumpur: Penerbit UM.

- Mohd Izzat Mohd Khalizan. 2021. "31 ahli Parlimen BN, Umno terus sokong kerajaan pimpinan Muhyiddin," *Mstar*, 6 Ogos.  
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/08/06/31-ahli-parlimen-bn-umno-terus-sokong-kerajaan-pimpinan-muhyiddin>
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Ariff Aizzuddin Azlan. 2023. "UMNO in GE15: Factionalism and its Effects," *The Round Table* 112, no. 3: 273-285.  
<https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219536>
- Muhammad Naim Fakhirin. 2024. "Competitive conflict: Focus on UMNO and DAP in Johore, GE 12 to GE 14," *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 94, no. 3: 126–143.  
<https://doi.org/10.17576/akad-2024-9403-08>
- Muhammad Naim Fakhirin. 2025. "Strategi Politik Naungan dan Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 52, no. 1: 114-134.  
<https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5201.06>
- Nisar Mohammad Ahmad. 2023. "Kembalikan PRN serentak PRU," *Malaysiakini*, 17 Ogos.  
<https://www.malaysiakini.com/news/675976>
- Nor Azura Md Amin. 2025. "PKR Johor Bahru bantah pelantikan Ketua Masyarakat Cina tanpa wakil PH," *Sinar Harian*, 5 Jun.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/732352/edisi/johor/pkr-johor-bahru-bantah-pelantikan-ketua-masyarakat-cina-tanpa-wakil-ph>
- Nor Azura Md Yamin. 2023. "SD sokong Muhyiddin bukan tindakan khianat BN: Hasni," *Sinar Harian*, 15 Januari.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/240702/berita/politik/sd-sokong-muhyiddin-bukan-tindakan-khianat-bn-hasni>
- Nor Azura Md Yamin. 2024. "Amanah Johor sedia tanding 20 kerusi, tidak tolak BN, PH bertembung," *Sinar Harian*, 4 November.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/694576/berita/politik/amanah-johor-sedia-tanding-20-kerusi-tidak-tolak-bn-ph-bertembung>
- Nor Farhana Yaacob. 2025. "BN sedia hadapi PRN Melaka, tidak tolak bertanding secara solo - Mohamad Hasan," *Sinar Harian*, 12 Julai.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/738351/berita/politik/bn-sedia-hadapi-prn-melaka-tidak-tolak-bertanding-secara-solo---mohamad-hasan>
- Nor Farhana Yaacob. 2025. "Pembahagian kerusi 14-14 hanya usul daripada akar umbi - DAP Melaka," *Sinar Harian*, 9 Mei.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/727514/berita/politik/pembahagian-kerusi-14-14-hanya-usul-daripada-akar-umbi---dap-melaka>
- Ong Kian Ming. 2024. *Scrutinizing the DAP's success in the 2023 Malaysian State Elections*. Singapore: ISEAS Publishing.  
[https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2024/04/TRS8\\_24.pdf](https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2024/04/TRS8_24.pdf)
- Oren, Samet. 2024. "When You Come at the King: Opposition Coalitions and Nearly Stunning Elections," *American Journal of Political Science*, 1-17.  
<https://doi.org/10.1111/ajps.12920>
- Rafael, Hortala-Vallve, Jaako, Meriläinen & Janne, Tukiainen. 2024. "Pre-electoral Coalitions and the Distribution of Political Power," *Public Choice* 198, 47-67.  
<https://doi.org/10.1007/s11127-023-01109-1>

- Roslinda Hashim. 2023. "Agihan kerusi PH-BN perlu berlandaskan semangat perpaduan," *Sinar Harian*, 4 Jun.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/261740/berita/politik/agihan-kerusi-ph-bn-perlu-berlandaskan-semangat-perpaduan>
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim & Muhamad Takiyuddin Ismail. 2023. "Between the Fort and the Moat: Johor's Political Transition in the 15th General Election," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2: 182-199.  
<https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.06>
- Shane, Martin. 2018. "Bargaining in Legislatures, Portfolio Allocation, and the Electoral Costs of Governing," *West European Politics* 4, no. 5: 1166-1190.  
<https://doi.org/10.1080/01402382.2018.1427946>
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2021. "Malacca State Election 2021: A Reflection of 15th General Election?," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48, no. 3: 105-126.
- SPR. 2008. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12.  
<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- SPR. 2013. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13.  
<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- SPR. 2018. Helaian Mata Bahagian Pilihan Raya PRU-14 2018.
- SPR. 2021. Helaian Mata Bahagian Pilihan Raya PRN-15 2021 Negeri Melaka.
- SPR. 2022a. Helaian Mata Bahagian Pilihan Raya PRN-15 2022 Negeri Johor.
- SPR. 2022b. Helaian Mata Bahagian Pilihan Raya PRU-15 2022.
- SPR. 2023. Keputusan Pilihan Raya Umum DUN Ke-15 Negeri Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Negeri Sembilan.  
<https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru-dun>
- Staff Sinar Harian. 2024. "Kerjasama UMNO, DAP merugikan - UMNO Kluang," *Sinar Harian*, 13 Julai.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/674897/berita/politik/kerjasama-umno-dap-merugikan---umno-kluang>
- Temu bual Shanmugam Pitchay, ADUN BN Kawasan Gadek, Pengerusi MIC Melaka, JAPERUN Gadek, 14 Ogos 2025.
- Temu bual Zaidi Attan, ADUN BN kawasan Serkam, Melaka, JAPERUN Serkam, 12 Ogos 2025.
- Temu bual Zuhan Zain, Naib Pengerusi AMANAH Johor, Putrajaya, 18 Ogos 2025.
- Undi Info. 2024. "Keputusan Pilihan Raya di Malaysia," *Malaysiakini*.  
<https://undi.info/>
- Zahratulhayat Mat Arif. 2022. "I should have sacked PN ministers over letter, says Ismail Sabri," *New Straits Times*, 17 Oktober.  
<https://www.nst.com.my/news/nation/2022/10/841413/i-should-have-sacked-pn-ministers-over-letter-says-ismail-sabri>